

**PM tiba di Felda Sahabat untuk tinjau Op Daulat**  
**Utusan Online**  
**07 Mac, 2013**

LAHAD DATU 7 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini tiba di Felda Residence Sahabat bagi melakukan tinjauan Op Daulat yang dilaksanakan pasukan keselamatan ekoran pencerobohan penganas Sulu di daerah ini.

Najib diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman tiba pada pukul 1.45 petang dengan menaiki helikopter Nuri.

Perdana Menteri dijangka membuat sidang media selepas selesai melakukan tinjauan berkenaan. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130307/dn\\_41/PM-tiba-di-Felda-Sahabat-untuk-tinjau-Op-Daulat](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130307/dn_41/PM-tiba-di-Felda-Sahabat-untuk-tinjau-Op-Daulat)